



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN MUDARRIS DALAM KALANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN
ISLAM DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

NUR FARHANA BINTI ANNUAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**AMALAN MUDARRIS DALAM KALANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN
ISLAM DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

NUR FARHANA BINTI ANNUAR



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI KEPERLUAN BAGI MEMENUHI
SYARAT PENGANUGERAHAN IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN**

(PENDIDIKAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PENGAJIAN ISLAM

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023





Pind : 00 m/s: 1/1



Sila tanda (/)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja

Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada **31 Januari 2023**

i. Perakuan Pelajar:

Saya, **Nur Farhana binti Annuar (D20191089245), Fakulti Sains Kemanusiaan** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **Amalan Mudarris dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Farhana

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **Profesor Madya Dr. Mohd Noor bin Daud** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Amalan Mudarris dalam Kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh ijazah **Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam Dengan Kepujian)**.

31 Januari 2023

Tarikh

Tanda Tangan Penyelia





TUNTUTAN PIHAK KETIGA

Projek ilmiah ini disediakan bagi memenuhi sebahagian daripada syarat keperluan bagi pengijazahan Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) dengan kepujian, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim. Pihak Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan dari pihak ketiga yang berhubung kait dengan penyelidikan Projek Ilmiah ini.

31 Januari 2023





PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat illahi serta limpahan kurnia nikmat dengan taufiq dan hidayah-Nya dapat saya menyempurnakan penulisan ilmiah ini dengan sempurnanya dan mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penulisan ilmiah ini.

Jutaan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Noor bin Daud kerana telah memberi bimbingan, tunjuk ajar, dorongan, dan nasihat yang dicurahkan dan amat berguna kepada saya sehingga kajian ini dapat disiapkan. Tidak dilupakan, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada ibu bapa saya yang tercinta, Annuar bin Dol dan Samnisah Azumari kerana sentiasa memberi semangat dan dorongan yang padu sepanjang saya bertungkus lumus dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini. Begitu juga kepada rakan seperjuangan saya iaitu Nur Sya Rahirah binti Lihi dan Sharifah Nur Izzati Athirah binti Wan Abdilah yang terlibat dalam membantu menyiapkan penulisan ilmiah ini, terima kasih yang tidak terhingga.

Akhir sekali, saya beriltizam agar penulisan ilmiah ini menjadi panduan kepada saya dan sesiapa sahaja yang ingin menjadikan rujukan dan menambah ilmu pengetahuan. Segala yang baik itu semestinya datang daripada Allah SWT dan segala kelemahan itu datang daripada saya sendiri. Wallahualam.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Amalan *Mudarris* sentiasa relevan dalam meningkatkan kualiti personaliti seorang guru. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti amalan *Mudarris* dalam kalangan Guru Pelatih (GP) Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang menggunakan data kuantitatif sebagai data utama. Jenis instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik. Kajian ini juga menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Data analisis dalam kajian ini menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan data pada item di Bahagian B dan Bahagian C. Dengan menggunakan analisis deskriptif, kedua-dua bahagian ini menjelaskan kefahaman terhadap amalan *Mudarris* dan amalan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam kalangan GP Pendidikan Islam. Manakala data analisis inferensi pula menggunakan ujian kolerasi Pearson yang menerangkan pembolehubah bagi hubungan antara kefahaman terhadap amalan *Mudarris* dengan amalan dalam PdPc dalam kalangan GP Pendidikan Islam. Hasil dapatan menunjukkan amalan *Mudarris* dalam kalangan GP Pendidikan Islam berada pada tahap yang tinggi. Kesimpulannya, semua hasil dapatan ini mencapai sasaran objektif kajian dan amalan *Muddaris* dalam kalangan GP Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris.





MUDARRIS PRACTICE AMONG ISLAMIC EDUCATION TRAINING TEACHERS AT SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

ABSTRACT

The practice of *Mudarris* is always relevant in improving the quality of a teacher's personality. Therefore, this study aims to identify the practice of *Mudarris* among Islamic Education Teacher Trainees at Sultan Idris University of Education (UPSI). This study is a survey study that uses quantitative data as the main data. The type of research instrument used is a questionnaire. This study also uses Statistical Package for Social Science (SPSS) software. Data analysis in this study uses descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis explains the data on the items in Part B and Part C. By using descriptive analysis, these two parts explain the understanding of *Mudarris* practices and PdPc practices among Islamic Education Teacher Trainees. While the inferential analysis data uses the Pearson correlation test which explains the variables for the relationship between the understanding of *Mudarris* practice and the practice in PdPc among Islamic Education Teacher Trainees. The findings show that the practice of *Mudarris* among Islamic Education Teacher Trainee's is at a high level. In conclusion, all of these findings achieve the objectives of *Muddaris* study and practice among Islamic Education Teacher Trainees at Sultan Idris University of Education.



KANDUNGAN

	Muka Surat
PERAKUAN	iii
TUNTUTAN PIHAK KETIGA	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI LAMPIRAN	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Permasalahan Kajian	7
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Persoalan Kajian	9
1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Batasan Kajian	12
1.9	Definisi Istilah	13
1.10	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.11	Kesimpulan	17

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	18
2.2	Konsep Pendidikan Menurut Islam	19
2.3	Konsep Guru Pendidikan Islam (GPI)	21
2.4	Konsep <i>Mudarris</i>	24

2.4.1	Keperibadian dan Sifat Guru	25
2.4.2	Pengurusan Bilik Darjah	28
2.4.3	Strategi dan Kaedah Pengajaran	30
2.4.4	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)	33
2.5	Konsep Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	35
	Pendidikan Islam	
2.6	Kajian Lepas	36
2.7	Kesimpulan	39

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	40
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Lokasi Kajian	42
3.4	Populasi Kajian dan Sampel Kajian	43
3.5	Instrumen Kajian	44
3.6	Pengumpulan Data	46
3.7	Kesahan Dan Kebolehpercayaan	47
3.8	Penganalisan Data	47
	3.8.1 Analisis Data Deskriptif	48
	3.8.2 Analisis Data Inferensi	48
3.9	Kesimpulan	49

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	51
4.2	Analisis Profil Demografi Responden	52
4.3	Analisis Deskriptif Bagi Tahap Kefahaman Berdasarkan Kefahaman Terhadap Amalan <i>Mudarris</i> , Amalan Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc)	54
	4.3.1 Tahap Kefahaman Terhadap Amalan <i>Mudarris</i>	55
	4.3.2 Analisis Keseluruhan Kefahaman Terhadap Amalan <i>Mudarris</i>	59
	4.3.3 Amalan Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc)	60
		65

4.3.4 Analisis Keseluruhan Tahap Kefahaman Amalan dalam PdPc

4.4	Analisis Kajian Inferensi	65
4.4.1	Analisa Ujian Kolerasi	66
4.5	Kesimpulan	68

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN, DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	69
5.2	Rumusan Kajian	70
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	71
5.3.1	Kefahaman Terhadap Amalan <i>Mudarris</i>	72
5.3.2	Amalan Dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	73
5.4	Analisis Inferensi	74
5.4.1	Analisis Hubungan (Kolerasi)	74
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	75
5.6	Penutup	76

Rujukan		78
Lampiran		85



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Bahagian-Bahagian Soal Selidik dan Jumlah Item	44
3.2 Skala Likert	45
3.3 Kelebihan Soal Selidik	46
3.4 Interpretasi Skor Min	49
3.5 Analisis Statistik	49
4.1 Taburan Responden Berdasarkan Demografi	52
4.2 Interpretasi Skor Min	55
4.3 Nilai Peratusan Item, Min, dan Sisihan Piawai bagi Kefahaman Terhadap Amalan <i>Mudarris</i>	57
4.4 Keseluruhan Analisis Statistik Deskriptif Kefahaman Terhadap Amalan <i>Mudarris</i>	60
4.5 Tahap Frekuensi dan Peratus Kefahaman Terhadap Amalan <i>Mudarris</i>	60
4.6 Amalan PdPc dalam Kalangan GP Pendidikan Islam	62
4.7 Keseluruhan Analisis Deskriptif Statistik Amalan PdPc	65
4.8 Tahap Frekuensi dan Peratus terhadap Amalan PdPc	65
4.9 Indikator Kolerasi	66
4.10 Analisis Inferensi (Kolerasi Pearson)	67





SENARAI RAJAH

Rajah

- 1.0 Ubahsuai dari Teori Suffian Jalet & Jamal
Nordin (2021)

Muka Surat

16





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

A Soal Seilidik

Muka Surat

90





SENARAI SINGKATAN

SWT	Subhanahu wa Ta'ala
SAW	Sallallahu 'Alaihi Wasallam
GP	Guru Pelatih
LM	Latihan Mengajar
GPI	Guru Pendidikan Islam
BBM	Bahan Bantu Mengajar
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
SPSS	Statistical Package for Social Science





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Pada bahagian ini pengkaji akan menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan. Terdapat beberapa subtopik pada bahagian ini iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi istilah, kerangka konseptual kajian dan diakhiri dengan kesimpulan. Pada bahagian latarbelakang, pengkaji akan menghuraikan perkaitan dengan amalan *Mudarris* dengan berdasarkan konsep Lima Mim iaitu *Mudarris*, *Muallim*, *Mursyid*, *Muaddib*, dan *Murabbi*. Seterusnya, pengkaji akan menyatakan permasalahan kajian mengenai amalan *Mudarris* dalam bidang pendidikan. Pengkaji telah meneliti persoalan kajian dan objektif kajian dengan teliti





agar kajian dapat mencapai hasil kajian yang diinginkan serta menghubungkan objektif tersebut dengan hipotesis kajian. Kemudian, pada bahagian ini juga pengkaji akan menjelaskan kepentingan, batasan kajian, definisi istilah agar pembaca lebih mudah memahami perjalanan penulisan kajian ilmiah ini. Akhir sekali kesimpulan bagi menyimpulkan bahagian Bab 1 secara keseluruhannya.

1.2 Latar Belakang Kajian

Membaca itu harus dengan nama-Nya. Hal ini kerana, sebagai hamba Allah kita mengharapkan pertolongan-Nya. Dengan demikian tujuan membaca dan ilmu yang diperolehi adalah hasil yang diredhai-Nya. Firman Allah SWT:



اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ

Surah al-‘Alaq (96): 1-5

Maksudnya: Bacalah dengan (menyebut) nama Tuhanmu yang menciptakan, Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Mahamulia, Yang mengajar (manusia) dengan pena. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Dalam ayat ini mengajar kita untuk membaca dengan nama Tuhan iaitu *bismillahirrahmanirahim* yang bermaksud dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Oleh itu, saya menyeru agar pembaca membaca kajian ini dengan hati yang terbuka serta mengingati Allah SWT agar diberi kefahaman serta mendapat manfaat dalam kajian ini sesuai dengan kehendak-Nya.





Setiap Guru Pelatih (GP), sama ada yang mendapat latihan perguruan di maktab atau di universiti perlu belajar mengajar sebelum dibenarkan mengajar. GP yang mengikuti program latihan mengajar membawa mereka pelbagai pengalaman dan pandangan terhadap pengajaran dan pembelajaran (Abdul Rasid Jamian, Nurul Nadiah Razali & Shamsudin Othman, 2020). GP juga akan menggalas tanggungjawab sebagai seorang guru sewaktu sesi praktikum mahupun Latihan Mengajar (LM) pada tempoh yang ditetapkan. GP diberi tanggungjawab memegang kelas sewaktu tempoh kelas berlangsung dengan mengambil pengalaman dalam membimbing dan mendidik murid-murid. Oleh itu, GP didapati mempunyai tanggungjawab yang sama seperti guru yang sebenar ketika menjalankan LM di sekolah.

Dalam dunia pendidikan keperluan seorang GP dalam mendalami tanggungjawab sebagai seorang guru yang sebenar amat ditekankan. Hal ini kerana, profesion perguruan adalah antara bidang pekerjaan yang mulia. Dalam firman Allah SWT:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَن تَقْوِيمٍ

Maksudnya: *Sungguh, Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.*

Surah at-Tin (95):4

Menurut Ibnu Kathir, bahawasanya di antara makhluk Allah di atas permukaan bumi ini, manusialah yang diciptakan oleh Allah dalam sebaik-baik bentuk; bentuk lahir dan bentuk batin.

Oleh itu, GP juga seorang guru yang merupakan pekerjaan menjurus kepada pekerjaan mulia sesuai dengan kehendak penciptaan Allah SWT yang sebaik-baik makhluk.

Menurut Ab. Halim Tamuri dan Mohammad Khairul Azman Ajuhary (2010), tugas pendidik dalam pandangan Islam secara umumnya ialah mendidik, iaitu berusaha mengembangkan seluruh potensi murid sama ada potensi psikomotor, kognitif dan afektif. Tugas dan tanggungjawab berat yang digalas oleh Guru





Pendidikan Islam (GPI) hakikatnya kepada tujuan Pendidikan Islam itu sendiri (Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2017). Hakikatnya peranan seorang guru bukan hanya menerapkan pengajaran di dalam kelas semata-mata bahkan guru juga perlu menggalas tanggungjawab lebih daripada itu khususnya GPI. Perkara ini juga dapat dikaitkan dengan amalan konsep Lima Mim iaitu *Mudarris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid*, dan *Muallim*.

Konsep Lima Mim adalah gabungan daripada lima konsep guru iaitu *Mudarris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid*, dan *Muallim* (Ali Akbar Abdullah et al., 2021). Dalam kelima-lima konsep ini ia menunjukkan bahawa tanggungjawab sebagai seorang guru khususnya GPI bukan hanya semata-mata untuk menjayakan dalam proses Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di dalam bilik darjah namun disebaliknya. Tidak dinafikan kejayaan proses PdPc Pendidikan Islam berkait rapat dengan kemahiran dan peranan guru yang berkesan (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007). Oleh itu, konsep lima mim iaitu *Mudarris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid*, dan *Muallim* akan dijelaskan secara umum bagi memberi kefahaman yang menyeluruh kepada pembaca.

Pertama iaitu *Mudarris*. Konsep *Mudarris* dalam kajian merujuk kepada ciri guru atau pengajar yang berkesan yang melibatkan aspek PdPc bermula dari persediaan mengajar, proses PdPc dan penilaian sendiri (Norliza Nor Hasyim, Razaleigh Muhamat & Ahmad Irdha Mokhtar, 2019). Konsep ini merupakan salah satu elemen yang penting dan sesuai dengan seorang guru yang professional. *Mudarris* sentiasa menggorak langkah untuk membina strategi yang ampuh untuk membina pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Seorang yang professional, hendaklah mempunyai persediaan yang mantap bagi mengukuhkan proses pengajaran. Dengan adanya strategi sedemikian maka murid-murid akan mudah memahami perjalanan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.





Kedua iaitu *Muaddib*. Seorang guru *Muaddib* berperanan membentuk nilai-nilai tingkah laku, nilai afektif dan nilai kognitif muridnya agar dapat dijadikan amalan dalam kehidupan seharian mereka (Norliza Nor Hasyim, Razaleigh Muhamat, & Ahmad Irdha Mokhtar, 2019). Pembentukan nilai-nilai tersebut dalam kalangan murid diperlukan untuk mewujudkan tingkah laku yang sesuai dengan keselarasan kehidupan mereka. Sebagai contoh, murid-murid akan menerapkan amalan positif dalam kehidupan mereka seperti solat, berzikir, dan amalan ibadah yang lain. Amalan seperti akan membentuk tingkah laku dan keperibadian murid-murid lebih ke arah yang positif.

Ketiga iaitu *Murabbi*. Guru *Murabbi* turut berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan murid dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kacamata Islam (Norliza Nor Hasyim, Razaleigh Muhamat, & Ahmad Irdha Mokhtar, 2019). Pembentukan murid berasaskan JERIS sesuai dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pembentukan dari aspek JERIS akan memberi keseimbangan kepada murid-murid untuk menjadi insan yang sesuai dengan kehendak-Nya serta menjadi hamba Allah yang taat kepada perintah-Nya.

Keempat iaitu *Mursyid*. Seorang *Mursyid* merupakan seorang guru yang telah sampai ke tahap menjadi pakar rujukan dan pemimpin pendidikan, berkeupayaan untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah pendidikan yang kemungkinan tidak semua dapat mengatasinya (Norliza Nor Hasyim, Razaleigh Muhamat, & Ahmad Irdha Mokhtar, 2019). Seorang guru itu sewajarnya menjadi rujukan kepada semua masyarakat terutamanya kepada murid-murid. Hal ini kerana rujukan secara langsung sangat diperlukan untuk memberi kefahaman yang lebih jelas jika berlaku kekeliruan





atau salah faham dalam kalangan masyarakat terhadap sesuatu perkara. Begitu juga dengan GPI, lazimnya diperlukan untuk memberi kefahaman yang mendalam dalam bidang agama dan menjadi rujukan utama dalam memberi penyelesaian isu mahupun masalah dalam kalangan masyarakat.

Terakhir sekali yang kelima iaitu *Muallim*. Guru sebagai *Muallim* merujuk seseorang yang menyampaikan ilmu pengetahuan serta kemahiran berdasarkan apa sahaja bentuk ilmu yang ada padanya sama ada ilmu fardhu 'ain atau ilmu fardhu kifayah (Norliza Nor Hasyim, Razaleigh Muhamat, & Ahmad Irdha Mokhtar, 2019). Ilmu yang disampaikan oleh guru perlu kepada kemahiran yang mereka miliki. Hal ini kerana untuk mengelakkan berlaku kekeliruan terhadap murid-murid dalam memahami setiap isi penyampaian ilmu tersebut. Apabila guru tersebut mempunyai ilmu serta kemahiran yang setara maka ilmu yang disampaikan oleh nya lebih berkesan dan mudah difahami oleh murid-murid.



Kesimpulannya, berdasarkan huraian di atas dapat kita fahami bahawa amalan konsep Lima Mim ini perlu ada ciri-ciri tersebut dalam kalangan guru khususnya GPI. Namun dalam hal ini amalan *Mudarris* amat ditekankan dalam kalangan GP khususnya GP Pendidikan Islam. Hal ini kerana ia menunjukkan bahawa amat penting bagi seorang bakal pendidik memiliki sifat *Mudarris* pada peringkat awal sebelum mencapai peringkat seterusnya dalam konsep Lima Mim. Oleh itu, amalan *Mudarris* merupakan salah satu identiti kepada bakal guru seperti GP Pendidikan Islam untuk membawa peranan yang penting bagi menggalas tanggungjawab utama sebagai seorang guru yang berintegriti tinggi.





1.3 Permasalahan Kajian

Abdul Halim el-Muhammady (1991), menegaskan bahawa guru merupakan agen kepada keberkesanan pendidikan. Keberkesanan pendidikan ini didapati dalam peranan sebagai guru yang cemerlang. Namun sebahagian GPI tidak memainkan peranan sebagai *Mudarris* dengan sempurna. Dalam kajian Nurul Asiah Fasehah Muhammad (2021), beliau dapati bahawa subkonstruk bagi *Mudarris* pada tahap yang rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa min subkonstruk yang paling tinggi ialah *Muaddib* yang berada pada tahap sangat tinggi dan subkonstruk yang paling rendah ialah *Mudarris* yang berada pada tahap tinggi (Nurul Asiah Fasehah Muhammad, 2021). Dapatan ini juga disokong oleh Ali Akbar Abdullah (2021), bahawa dalam kajian beliau dapatan nilai skor Min bagi penilaian pelajar terhadap amalan *Mudarris* dalam kalangan GPI adalah 3.75. Maka timbul isu mengenai tahap skor yang terdapat pada guru inovatif Pendidikan Islam (Ali Akbar Abdullah et al., 2021).

Seterusnya, dalam kajian yang bertajuk Hubungan Kepercayaan Epistemologi Islam dengan Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Kebangsaan Malaysia bahawa dapatan dalam temu bual untuk tema *Mudarris* adalah kurang memberangsangkan. Kesemua item mendapat perhatian GPI kecuali bagi tiga item yang diperhatikan hanya dilakukan oleh separuh dan kurang GPI iaitu item ‘menggunakan pendekatan pengajaran yang pelbagai’, ‘menggunakan BBM’ dan ‘menjalankan aktiviti yang menyeronokkan sewaktu di dalam kelas’ (Nurul Asiah Fasehah Muhammad, 2020). GPI tidak dapat menggunakan BBM teknologi sepenuhnya kerana kekangan masa, kurang pengetahuan untuk mengendalikan BBM





dan fokus untuk menghabiskan sukatan pelajaran (Siti Fatimah Othman & Hassan Embong, 2020).

Menurut Mohd Syaubari Othman (2021), guru juga kurang pengetahuan dan berkebolehan untuk mengintegrasikan kemahiran berfikir dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Kemahiran berfikir juga merupakan elemen terpenting guru dalam bilik darjah. Kekurangan tersebut memberi kesan kepada amalan *Mudarris* guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Dapatan ini selari dengan kajian Masyirah (2019), mendapati 59.52% GPI tidak pasti sama ada tahu, faham atau dapat melaksanakan KBAT berikutan cabaran seperti kandungan silibus yang padat, kekangan masa, berlaku peralihan pimpinan dan juga terdapat GPI yang masih mengekalkan cara pengajaran tradisonal. Terdapat kajian yang menunjukkan guru mengajar tidak KBAT aras tinggi ke atas pelajar kerana faktor kurang persediaan dan pengaplikasian KBAT ketika pengajaran (Muhammad Talhah Ajmain, Ahmad Marzuki Mohamad & Aminudin Hehsan, 2021).

Dapat disimpulkan di atas bahawa, GPI dalam amalan *Mudarris* dalam kalangan GPI masih berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian lepas telah membuktikan sebahagian GPI yang tidak dapat menepati amalan *Mudarris* dengan sempurna. Hubungan antara GPI dan GP Pendidikan Islam sangat berkait rapat. Hal ini kerana GP Pendidikan Islam bakal menjalankan tanggungjawab sepertimana GPI di sekolah. Dengan demikian, kajian ini akan mengkaji sejauh mana amalan *Mudarris* dalam kalangan bakal guru khususnya GP Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Justeru itu, daripada isu yang telah diuraikan menunjukkan bahawa kajian ini diperlukan bagi meningkatkan martabat Pendidikan Islam dan mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Islam.





1.4 Objektif Kajian

Kajian ini adalah berdasarkan objektif yang telah dikenal pasti bagi merancang gerak kerja yang teratur. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji beberapa aspek tertentu iaitu:

- i. Mengenalpasti kefahaman terhadap amalan *Mudarris* dalam kalangan Guru Pelatih (GP) Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- ii. Mengenalpasti amalan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam kalangan Guru Pelatih (GP) Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- iii. Menganalisa hubungan di antara kefahaman terhadap amalan *Mudarris* dengan amalan dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam kalangan Guru Pelatih (GP) Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah menfokuskan kepada pencapaian objektif umum dan kajian tentang amalan *Mudarris* dalam kalangan GP Pendidikan Islam di UPSI, soalan-soalannya adalah seperti berikut:





- i. Apakah terdapat kefahaman terhadap amalan *Mudarris* dalam kalangan Guru Pelatih (GP) Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)?
- ii. Apakah terdapat amalan Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam kalangan Guru Pelatih (GP) Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)?
- iii. Adakah terdapat hubungan di antara kefahaman terhadap amalan *Mudarris* dengan amalan dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam kalangan Guru Pelatih (GP) Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)?

1.6 Hipotesis Kajian



Dalam kajian ini terdapat hipotesis yang terbentuk untuk mendapatkan penjelasan dan jawapan kepada persoalan kajian yang dikaji. Berikut merupakan hipotesis (H_0) kajian:

- i. H_{01} : Tidak terdapat terdapat hubungan di antara kefahaman terhadap amalan *Mudarris* dengan amalan dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dalam kalangan Guru Pelatih (GP) Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).





1.7 Kepentingan Kajian

Terdapat beberapa dorongan dan ilham serta kepentingannya dalam kajian tentang amalan *Mudarris* dalam kalangan GP Pendidikan Islam UPSI. Kajian ini penting dan bersesuaian untuk melihat sejauh mana GP Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam menerapkan amalan *Mudarris* di sekolah yang pernah mereka dialami sepanjang tempoh LM 1 dan LM 2. Kajian ini amat penting kerana GP di UPSI merupakan salah satu universiti pendidikan yang dijadikan bahan rujukan dalam bidang pendidikan. Dengan adanya kajian seperti ini maka mudah untuk para pengkaji yang lain menilai tahap kualiti bagi GP di peringkat universiti.

Seterusnya, hasil daripada kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada para pengkaji yang lain untuk dijadikan data dokumentasi terhadap amalan *Mudarris* dalam kalangan GP Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Hal ini kerana data yang didapati dalam kajian ini akan memberi sumbangan dalam sorotan kajian dan pembuktian secara realitinya kajian terhadap GP Pendidikan Islam di UPSI. Malahan kajian ini juga dapat membuktikan amalan GP Pendidikan Islam berdasarkan amalan *Mudarris* dalam PdPc. Oleh itu, kajian ini diperlukan untuk memberi sumbangan dalam dokumentasi data terhadap pengkaji yang lain.

Selain itu, kajian ini merupakan perkembangan hasil kajian daripada Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam) di UPSI pada tahun 2020. Tujuan perkembangan daripada hasil kajian beliau adalah untuk memperincikan kajian terhadap GP Pendidikan Islam dalam amalan *Mudarris* sahaja. Kepentingan dalam memperkembangkan hasil kajian beliau adalah untuk mengenalpasti kedudukan amalan *Mudarris* dalam pengetahuan dan kemahiran yang dipraktikkan daripada GP Pendidikan Islam. Justeru, kajian ini memberi perkembangan daripada hasil kajian





lepas untuk diperincikan bagi mendapat input amalan *Mudarris* dalam kalangan GP Pendidikan Islam di UPSI.

Terakhir sekali, kajian ini amat penting serta dapat memberi pendedahan yang lebih luas khususnya GP dalam bidang Pendidikan Islam di Institut Pengajian Tinggi (IPT) agar mereka dapat mengamalkan amalan Lima Mim khususnya amalan *Mudarris* di mana ia masih kurang dititikberatkan oleh sesetengah guru di sekolah. Di samping itu, GP Pendidikan Islam dapat memanfaatkan tinjauan ini bagi memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kefahaman dan kemahiran tentang amalan *Mudarris*. Malah dapat memperbaiki kualiti insan profession GPI yang setanding dengan profession perguruan di peringkat antarabangsa.

1.8 Batasan Kajian



Batasan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Kajian ini hanya terbatas kepada Guru Pelatih (GP) Pendidikan Islam pada tahun akhir sahaja.
- ii. Kajian ini dijalankan ke atas Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) daerah Tanjong Malim sahaja.
- iii. Kajian ini hanya memberi fokus kepada dua aspek sahaja iaitu amalan *Mudarris* dan amalan dalam PdPc sepanjang tempoh menjalankan LM 1 dan LM 2 sahaja.





1.9 Definisi Istilah

Berdasarkan tajuk kajian amalan *Mudarris* dalam kalangan Guru Pelatih Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), pengkaji akan menjelaskan beberapa pembolehubah yang menjadi konstruk kajian ini.

i. Amalan

Menurut Norhaslina Adam (2013), istilah amalan ialah sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan dikerjakan sebagai suatu kebiasaan pada praktiknya atau pada kebiasaannya. Amalan dapat diertikan sebagai satu perbuatan yang baik atau membuat suatu kebajikan. Amalan juga sebagai suatu perbuatan yang baik-baik dan ianya juga merupakan suatu perbuatan yang selalu dilakukan kebiasaan bagi seseorang. Berdasarkan maksud amalan untuk kajian ini ia merujuk kepada sejauhmana amalan *Mudarris* dan amalan PdPc dalam kalangan GP Pendidikan Islam.

ii. *Mudarris*

Menurut Mohd Munizam Jaafar, Ab. Halim Tamuri & Rohizan Ya (2012), perkataan *Mudarris* bermaksud pengajar yang berasal daripada kata kerja *darrasa* atau *tadris* yang bermaksud mengajar. Menurut Ab. Halim et al (2006), *Mudarris* adalah konsep yang diasaskan kepada guru cemerlang yang berkesan. Umumnya, ia dinilai daripada lima aspek utama iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah-kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaan mewujudkan iklim dan personaliti





bilik darjah yang baik, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan kemampuan membuat keputusan professional. Oleh itu, *Mudarris* dalam kajian ini merujuk kepada amalan *Mudarris*.

iii. Guru Pelatih (GP)

Guru Pelatih merupakan pelapis kepada pendidik pada masa ini (Masni Jamin, Melor Fauzita Md. Yusoff & Masheyoh Abd. Mutalib, 2020). Dengan kata lain kompetensi guru pelatih merupakan elemen penting dan strategik dalam latihan keguruan sebelum mereka bergelas guru sebenar di sekolah (Abd Hamid Ali et al., 2017). Oleh itu, Guru Pelatih (GP) yang difokuskan di sini ini ialah pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Islam) semester tujuh dan lapan yang mengikuti LM.



iv. Pendidikan Islam

Menurut Hishamuddin Abd Hamid (2014), Pendidikan Islam bermaksud memberi Pendidikan Kebangsaan dan juga Pendidikan Islam. Melalui Falsafah Pendidikan Islam (FPI):

Pendidikan Islam adalah satu usaha yang berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran, dan penghayatan berdasarkan al-Quran dan as-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat,






alam sekitar, negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan akhirat

(Kementerian Pendidikan Malaysia).

Berdasarkan maksud Pendidikan Islam di atas merujuk kepada GP Pendidikan Islam yang merupakan sasaran utama dalam kajian ini.



1.10 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.0: Ubahsuai dari Teori Suffian Jalet & Jamal Nordin (2021)

Kerangka konsep dalam kajian ini dibina untuk melihat perkaitan pembolehubah yang dikaji. Kerangka konsep kajian ini juga memberikan petunjuk tentang perancangan kajian dan selaras dengan objektif kajian. Bahagian pertama adalah selari dengan objektif kajian yang pertama iaitu melihat kepada amalan *Mudarris* berdasarkan kefahaman GP terhadap amalan *Mudarris*. Seterusnya melihat amalan dalam PdPc dalam kalangan GP Pendidikan Islam dalam objektif ketiga. Jadi keseluruhannya,



pengkaji akan melihat sejauhmana hubungkait antara amalan *Mudarris* dan amalan dalam PdPc dalam kalangan GP Pendidikan Islam juga selari dengan objektif yang terakhir.

Dalam kerangka tersebut, guru-guru perlu memenuhi ciri-ciri amalan *Mudarris* iaitu empat aspek utama iaitu keperibadian dan sifat guru, pengurusan bilik darjah, strategi dan kaedah pengajaran, dan penggunaan BBM. Bagi mengenal pasti amalan PdPc GP Pendidikan Islam, pengkaji dapat mengenalpasti bahawa sejauhmana GP Pendidikan Islam mempraktikkan amalan dalam PdPc semasa menjalankan LM di sekolah berdasarkan amalan *Mudarris*. Oleh itu, kerangka konseptual ini akan memberi gambaran kepada pembaca untuk melihat sejauhmana perjalanan kajian ini dilaksanakan.



1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab ini membincangkan tentang amalan *Mudarris* dalam kalangan GP Pendidikan Islam di UPSI dan kajian dibincangkan secara ringkas. Seterusnya Bab 2 akan membincangkan mengenai konsep dan kajian lepas. Kemudian Bab 3 membincangkan mengenai metodologi kajian dan Bab 4 pula membincangkan mengenai dapatan kajian. Bab 5 merupakan bab yang terakhir yang membincangkan mengenai ringkasan dari setiap bab dan data-data yang diperolehi. Oleh itu, kajian ini akan diteruskan pada Bab 2 yang akan melanjutkan perbincangan yang mendalam.

